



CEGeoGTech Anjur Persidangan Bahan Termaju Di Bandung

Sebanyak 260 kertas kerja ilmiah daripada lebih 15 buah negara berjaya dibentangkan dalam persidangan bahan termaju, International Conference on Advanced Materials and Technology (ICAMET 2013) yang berlangsung selama dua hari mulai 28 November 2013 lalu.

Persidangan yang dianjurkan oleh Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu turut menyaksikan kesemua kertas kerja yang diterima diterbitkan dalam dua jurnal yang diindeks oleh Scopus iaitu *Key Engineering Materials* terbitan Trans Tech Publication serta terbitan khas *ICAMET Journal of Advances Environmental Biology* (AEB).

Dalam persidangan yang dianjurkan dengan kerjasama Universiti Petra Kristian dari Surabaya itu, pihak penganjur turut menjemput pembentang utama iaitu Professor Dr. Kazuhiro Nogita daripada Queensland University (QU), Australia yang juga merupakan Pengarah *Nihon Superior Centre for the Manufacture of Electronic Materials*, QU yang membentangkan mengenai bahan pateri termaju.

Selain Dr. Kazuhiro turut membentangkan kertas kerja utama ialah Profesor Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali yang merupakan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan UniMAP. Antara negara yang mengambil bahagian ialah India, Taiwan, Jepun, Bangladesh, Indonesia, China, Republik Czech, Iraq, dan Thailand.

Dalam tempoh sama, UniMAP telah menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Aneka Teknik, Indonesia. UniMAP diwakili oleh Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan Aneka Teknik oleh Pengurus dan Ketua Projek, Mr. Sony Natali. Kerjasama diketuai Pensyarah Kanan Pusat Kecemerlangan GeoPolimer dan Teknologi Hijau (CeGeoGTech) UniMAP Mohd Mustafa Al-Bakri Abdullah ini membabitkan geran berjumlah RM80,000 dalam pembangunan penyelidikan (R&D) bata ringan berasaskan teknologi geopolimer. Selain Mohd Mustafa, penyelidik-penyelidik UniMAP yang terlibat dalam projek MoA berkenaan ialah Naib Canselor sendiri serta Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Wan Mastura Wan Ibrahim dan Alida Abdullah.



Penyelidikan ini lebih memfokuskan penggunaan bahan mentah iaitu abu terbang tempatan dengan bata yang dihasilkan nanti lebih ringan dan menepati spesifikasi antarabangsa. Kerjasama ini turut melibatkan Dr. Aeslina Abd Kadir daripada Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini.